



Rayer ketika berucap pada sesi perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2017 di DUN Pulau Pinang, semalam.



Shah Headan Ayoob menunjukkan gambar banjir selepas berhenti rehat sidang DUN Pulau Pinang, semalam.

ADUN DAP malu masalah berlarutan

➔ Jejas imej negeri sebagai destinasi pelancongan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Georgetown

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sri Delima dari DAP, RSN Rayer, semalam, menyatakan rasa malu dengan masalah banjir kilat yang melanda negeri ini dan mahu kerajaan DAP Pulau Pinang segera menyelesaikannya.

Katanya, masalah itu memberi imej yang buruk kepada negeri ini terutama dalam kalangan pelancong kerana ia turut membabitkan kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) di sini, yang menjadi antara pintu masuk utama pelancong ke negeri ini.

Katanya, ia demi memulihkan imej pelancongan Pulau Pinang kerana situasi itu akan memberi kesan buruk kepada industri pelancongan negeri, sekali gus memerlukan perhatian serius daripada kerajaan negeri bagi mengatasinya.

"Saya sangat malu apabila keluarga dari New Zealand yang tiba di LTAPP mempersoalkan sama ada ini adalah standard lapangan terbang antarabangsa di negeri ini.

LTAPP bocor

"Ketika itu, kelihatan beberapa baldi diletakkan di kebanyakan kawasan untuk menakung air daripada bumbung yang bocor, bagi mengelak pelancong tergelincir ketika melalui kawasan berkenaan," katanya pada sesi perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2017 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang di sini, semalam.

Dalam pada itu, Rayer turut mendesak kerajaan negeri memantau keadaan feri usang yang masih beroperasi di negeri ini kerana terdapat kejadian bahagian dalam kenderaan itu dimasuki hujan akibat kebocoran di bahagian bumbung.

Sementara itu, Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah (BN-Teluk Bahang) membidas sikap kerajaan negeri yang dikatakan enggan menggunakan lebihan belanjawan 2015 bagi mengatasi masalah banjir kilat yang semakin meruncing di negeri ini.

Beliau berkata, ia berikutan lebih 21 peratus yang dicatatkan bagi belanjawan 2015 lalu, mampu menyelesaikan masalah banjir yang terus membelenggu rakyat.



Ketika itu, kelihatan beberapa baldi diletakkan di kebanyakan kawasan untuk menakung air daripada bumbung yang bocor, bagi mengelak pelancong tergelincir ketika melalui kawasan berkenaan"

RSN Rayer,
ADUN Sri Delima dari DAP

Katanya, kerajaan DAP Pulau Pinang sebaliknya perlu memahami keperluan dan keutamaan untuk menggunakan lebihan belanjawan itu, berbanding sekadar menunggu peruntukan daripada Kerajaan Pusat semata-mata.

"Adalah mudah untuk (kerajaan negeri) melepaskan tanggungjawab kepada Kerajaan Pusat kerana peruntukan bajet yang kecil bagi mengatasi setiap masalah yang melanda negeri ini, sekali gus terlepas daripada bebanan menjamin permasalahan diatasi sepenuhnya.

Utamakan RTB

"Saya berpendapat, ini adalah persoalan keutamaan yang perlu diletakkan pada tempat betul. Jika kerajaan negeri percaya banjir hanya dapat diatasi melalui Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang, maka inilah isu yang perlu diberikan keutamaan," katanya.

Bajet 2015 menyaksikan perbelanjaan sebenar bagi lima jabatan sebanyak RM106.1 juta, berbanding peruntukan keseluruhan RM134.46 juta, iaitu lebihan sebanyak RM28.36 juta.

Lebih daripada kelima-lima jabatan itu ialah, RM1.42 juta bagi Jabatan Pertanian; Jabatan Hutan (RM325,417); Jabatan Kebajikan Masyarakat (RM830,699); Jabatan Pengairan dan Saliran (RM1.02 juta) dan Jabatan Kerja Raya (RM24.76 juta).

Fakta nombor

RM106.1 JUTA

perbelanjaan bagi lima jabatan

RM134.46 JUTA

peruntukan keseluruhan dalam Bajet 2015

RM28.36 JUTA

lebih perbelanjaan